

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 30 OKTOBER 2017
SOALAN : 12**

YB Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan graduan dari kolej-kolej perubatan dalam dan luar negara tahun ini dan bilangan tempat untuk latihan doktor serta cara untuk menguruskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dianggarkan seramai 5,769 graduan mengikuti Program Perubatan dari Universiti Awam/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara dan luar negara pada tahun 2017. Jumlah ini meliputi graduan perubatan dari 31 buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara di mana ia dijangka terus meningkat selain dari graduan dari luar negara yang turut menyumbang kepada peningkatan jumlah graduan perubatan.

Pada masa ini, jumlah slot/ tempat latihan siswazah adalah sebanyak 11,025 di 45 hospital latihan siswazah di seluruh negara. Selain itu, PPS

11

juga boleh menjalani latihan siswazah di 30 Klinik Kesihatan terpilih di seluruh negara bagi *posting* kesihatan *primer*. Bagi menampung bilangan graduan perubatan, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan lagi bilangan Hospital Latihan Siswazah dan Klinik Kesihatan untuk menempatkan PPS. Pertambahan bilangan Hospital Latihan Siswazah akan dilaksanakan dari masa ke semasa di mana slot penempatan PPS ini ditentukan berdasarkan kapasiti Hospital Latihan Siswazah dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Bagi menjawab pertanyaan dari **Ahli Yang Berhormat Pasir Mas**, sehingga September 2017, seramai 3,613 graduan perubatan yang memperolehi pendaftaran sementara dari Majlis Perubatan Malaysia dan lulus temuduga oleh SPA telah diberi penempatan dan memulakan latihan siswazah secara berfasa. Manakala, seramai 1,663 orang calon yang memohon dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan melepasi tapisan sehingga 13 Ogos 2017 masih menunggu penempatan di KKM. Pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 di KKM dilaksanakan secara berfasa, iaitu setiap dua (2) bulan sekali. Walaupun begitu, penempatan mereka adalah tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, prosedur pelantikan dan penempatan PPS adalah seperti berikut:

- (i) graduan perubatan yang telah lulus peperiksaan tahun akhir perlu terlebih dahulu membuat permohonan dan mendapat surat pertimbangan Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

- (ii) graduan memohon pelantikan secara kontrak sebagai Pegawai Perubatan Gred UD41 secara atas talian melalui laman web SPA.
- (iii) senarai calon yang berjaya akan dimaklumkan oleh SPA kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- (iv) KKM akan melaksanakan penempatan latihan siswazah melalui Sistem e-housemen berdasarkan giliran dan turutan tarikh permohonan dengan SPA. Calon-calon diberikan kebebasan untuk membuat pilihan penempatan tertakluk kepada kekosongan slot penempatan latihan siswazah berasaskan prinsip "*first come, first served*" (dengan izin).